

“Kempen 1% Pulangan Tunai” Kad Kredit Hong Leong

TEMPOH KEMPEN

“Kempen 1% Pulangan Tunai” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada **01 Julai 2017** pada 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada **30 September 2017** pada 23:59:59 jam (11:59 mlm), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (T&S):-

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka untuk penyertaan oleh Pemegang Kad Utama Baharu (“NTC”) yang semasa Tempoh Kempen memohon kad kredit HLB serta berikut (“Kad Layak”) dan berjaya menerima Kad Layak berkenaan sebelum 31 Oktober 2017 (“Pemegang Kad”).

Jenis permohonan 2 kad	Dwikad (2 kad utama) Pilih mana-mana 2 daripada Kad Layak berikut	Utama + tambahan (apabila memohon) Pilih mana-mana 1 daripada Kad Layak berikut
Kad Layak	<ul style="list-style-type: none">• Sutera Platinum• “Gold”• “GSC Platinum/Gold”• “I’M”	

Bagi mengelakkan keraguan, untuk Dwikad, kedua-dua Kad Layak mestilah diluluskan untuk membolehkan Pemegang Kad menikmati 1% Pulangan Tunai. Jika sekiranya Pemegang Kad memohon 1 Kad Layak dan satu lagi Kad Tak Layak seperti tersenarai dalam Lampiran 1 Terma & Syarat ini yang tidak termasuk dalam kategori Kad Layak, hanya Kad Layak sahaja akan berhak mendapat Pulangan Tunai 1%.

Perhatian: Pemegang Kad NTC adalah pemegang kad baharu yang tidak memegang sebarang Kad Kredit Utama HLB sedia ada (termasuk “Mach” dan bekas EON Bank Berhad) atau yang permohonan semula mereka untuk Kad Layak diluluskan oleh HLB pada bila-bila masa selepas dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan Kad Kredit HLB mereka yang sedia ada.

2. Yang berikut ini tidak boleh dianggap sebagai Pemegang Kad NTC dan TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - (a) Pemegang Kad Utama sedia ada bagi mana-mana Kad Kredit HLB;
 - (b) Pemegang Kad yang tidak lagi memegang mana-mana Kad Kredit HLB yang sah dan/atau Pemegang Kad yang akaun Kad Kredit mereka tertunggak ; -

- (c) Pemegang Kad yang telah membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan telah memohon semula Kad Kredit baharu sebagai Pemegang Kad Utama dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan tersebut;
- (d) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
- (e) Pemegang Kad yang merupakan pelanggan individu bukan warga Malaysia.

KAEDAH KEMPEN

3. Pemegang Kad akan layak menikmati tawaran berikut (“secara kolektif disebut di dalam ini sebagai Tawaran”) dengan syarat kriteria yang ditetapkan di dalam ini dipenuhi (“Pemegang Kad Layak”):

(a) **Pengecualian Yuran Tahunan 2 Tahun**

- i. Pemegang Kad yang dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit Layak (“seperti ditakrifkan dalam Fasal 4 di bawah”) bagi setiap Kad Layak (termasuk kad tambahan) yang diluluskan dan dikeluarkan oleh HLB di bawah Kempen ini akan berhak mendapat pengecualian yuran tahunan 1 tahun bagi setiap Kad Layak. Bagi mengelakkan keraguan, pada dasarnya Pemegang Kad berkewajipan memberi alamat terkini, sah dan tepat untuk tujuan penghantaran Kad Layak dan HLB tidak bertanggungjawab jika sekiranya Pemegang Kad tidak dapat mengaktifkan / menggunakan Kad Layak dalam masa 45 hari dari tarikh kelulusan Kad Layak, atas apa jua sebab sekalipun.
- ii. Pemegang Kad Layak yang melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit Layak (“seperti ditakrifkan dalam Fasal 4 di bawah”) pada bulan ke tiga belas (13) dari bulan kelulusan Kad Layak (rujuk kepada “Valid thru” pada bahagian depan kad kredit untuk bulan kelulusan) bagi setiap Kad Layak (termasuk kad tambahan) yang diluluskan dan dikeluarkan oleh HLB di bawah Kempen ini akan berhak mendapat pengecualian yuran tahunan 2 tahun bagi setiap Kad Layak. Jika sekiranya Pemegang Kad Layak gagal melakukan sekurang-kurangnya satu Perbelanjaan Runcit Layak dalam jangka masa yang ditetapkan di atas, Pemegang Kad Layak tidak akan dapat menikmati pengecualian yuran tahunan bagi tahun ke-2 dan hendaklah membayar yuran tahunan tahun ke-2 bagi Kad Layak. Bagi mengelakkan keraguan, pada dasarnya Pemegang Kad berkewajipan memberi alamat terkini, sah dan tepat untuk tujuan penghantaran Kad Layak dan HLB tidak bertanggungjawab jika sekiranya Pemegang Kad tidak dapat mengaktifkan / menggunakan Kad Layak dalam masa 45 hari dari tarikh kelulusan Kad Layak, atas apa jua sebab sekalipun.
- iii. Pengecualian yuran tahunan bagi tahun seterusnya adalah tertakluk kepada terma dan syarat pengecualian yuran tahunan yang sedia ada. Untuk butir-butir lanjut, sila semak halaman produk berkenaan di www.hlb.com.my (Laman Web “HLB”).

(b) **1% Pulangan Tunai**

- i. Pemegang Kad Layak akan diberi pulangan tunai 1% (“Pulangan Tunai”), dengan perbelanjaan minimum terkumpul sebanyak RM500 setiap bulan atas Perbelanjaan Runcit Layak menggunakan mana-mana Kad Layak yang diluluskan semasa Tempoh Kempen.
- ii. Pulangan Tunai akan diberi sehingga 12 bulan dari bulan kelulusan Kad Layak.

Jadual di bawah menunjukkan jumlah Pulangan Tunai yang diuntukkan bagi setiap Bulan Sertaan:

Bulan Sertaan	Tempoh Transaksi Layak Bulanan	Peruntukan Pulangan Tunai Maksimum*bagi setiap Bulan Sertaan
1	1 ^{hb} Julai - 31 ^{hb} Julai 2017	RM30,492
2	1 ^{hb} Ogos - 31 ^{hb} Ogos 2017	RM 30,492
3	1 ^{hb} September - 30 ^{hb} September 2017	RM 29,508
4	1 ^{hb} Oktober to 31 ^{hb} Oktober 2017	RM 30,492
5	1 ^{hb} November - 30 ^{hb} November 2017	RM 29,508
6	1 ^{hb} Disember - 31 ^{hb} Disember 2017	RM 30,492
7	1 ^{hb} Januari - 31 ^{hb} Januari 2018	RM 30,492
8	1 ^{hb} Februari - 28 th Februari 2018	RM 27,541
9	1 ^{hb} Mac - 31 ^{hb} Mac 2018	RM 30,492
10	1 ^{hb} April - 30 ^{hb} April 2018	RM 29,508
11	1 ^{hb} Mei - 31 ^{hb} Mei 2018	RM 30,492
12	1 ^{hb} Jun - 30 ^{hb} Jun 2018	RM 29,508
13	1 ^{hb} Julai - 31 ^{hb} Julai 2018	RM 30,492
14	1 ^{hb} Ogos - 31 ^{hb} Ogos 2018	RM 30,492
15	1 ^{hb} September - 30 ^{hb} September 2018	RM 29,508
16	1 ^{hb} Oktober - 31 ^{hb} Oktober 2018	RM 30,492
Jumlah Pulangan Tunai diuntukkan bagi Kempen		RM480,000

Bagi mengelakkan keraguan, Jumlah Peruntukan Pulangan Tunai bagi Kempen ini dihadkan pada RM480,000.

- iii. Pulangan Tunai Maksimum bulanan sepanjang Kempen diberi atas dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk kepada Perbelanjaan Runcit Layak bulanan yang dirakam dalam rekod transaksi sistem HLB.
- iv. Pemberian Pulangan Tunai dihadkan pada RM50 bagi setiap Pemegang Kad Layak sebulan.
- v. Pemberian Pulangan Tunai akan digenapkan kepada Ringgit Malaysia yang terhampir.

Contoh:

Jumlah Perbelanjaan Runcit Pemegang Kad Layak dalam Ogos = RM2860

1% pulangan tunai = RM28.60

Pemegang Kad Layak akan diberi Pulangan Tunai RM28 sahaja

- vi. Pemberian Pulangan Tunai kepada Pemegang Kad Layak adalah berdasarkan jumlah amaun Ringgit Perbelanjaan Runcit Layak tercatat yang menggunakan Kad Layak.
 - vii. Semua Perbelanjaan Runcit Layak luar negara dan Perbelanjaan Runcit Layak yang dilakukan dalam mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia mengikut kadar pertukaran seperti yang ditentukan oleh HLB atas budi bicara mutlakanya.
 - viii. Pemegang Kad Layak dengan dwikad (iaitu 2 Kad Layak) atau 1 Kad Layak dan satu Kad Layak tambahan akan secara automatik dijejaki untuk tujuan penjadualan Transaksi Layak Bulanan sepanjang Tempoh Kempen.
 - ix. Pulangan Tunai akan dikira pada penghujung setiap bulan kalendar berdasarkan 1% jumlah Perbelanjaan Runcit Layak bagi bulan berkenaan dan tak kumulatif dari bulan sebelumnya.
 - x. Jumlah Pulangan Tunai akan dikreditkan setiap bulan kepada akaun Pemegang Kad Utama dalam masa enam (6) minggu selepas akhir setiap bulan kalendar. Jika sekiranya Pulangan Tunai tidak diterima, Pemegang Kad Layak hendaklah memberitahu HLB dalam masa 30 hari dari tarikh pengumuman Pulangan Tunai (rujuk Fasal 6), jika gagal berbuat demikian Pemegang Kad Layak dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan apa-apa rayuan untuk pembayaran ganti Pulangan Tunai tidak akan dilayani.
 - xi. HLB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan dalam pencatatan sebenar Transaksi Runcit Layak dan/atau Pulangan Tunai yang diperolehi.
 - xii. HLB tidak berkewajipan untuk memberitahu Pemegang Kad Layak sekiranya Pulangan Tunai mencapai Peruntukan Pulangan Tunai maksimum bagi mana-mana Bulan Sertaan sepanjang Tempoh Kempen.
4. Perbelanjaan Runcit Layak adalah berdasarkan kriteria berikut:
- (a) Mestitermasuk pembelian runcit dan pembelian dalam talian, arahan tetap, Pelan Pembayaran Mudah 0% Faedah (EPP) dan Pelan Ansuran Sifar Faedah (ZIIP) yang mengurus niaga di dalam dan luar negara.
 - (b) Tidak termasuk pendahuluan tunai, Pindahan Baki (BT), "Cash-on-Call" (COC), "Call-for-Cash" (CFC), Pelan Pembayaran Fleksi (FPP), pindahan dana, yurandan caj yang dikenakan oleh HLB.
 - (c) Perbelanjaan Runcit kumulatif (terkumpul) oleh Pemegang Kad Layak di bawah akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak yang sama akan dimasukkan dalam pengiraan Perbelanjaan Runcit kumulatif Pemegang Kad Layak
5. Kempen ini tidak terpakai bersempena dengan sebarang promosi HLB yang sedang berjalan melainkan dinyatakan sebaliknya.
6. Pemegang Kad Layak dikehendaki mengakses Laman Web HLB untuk senarai Pemegang Kad Layak yang berhak mendapat **Pulangan Tunai** antara empat (4) hingga enam (6) minggu selepas penghujung setiap bulan kalendar .

UMUM

7. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad:
 - (a) Bersetuju telah membaca dan memahami terma dan syarat di dalam ini dan bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat di dalam ini;
 - (b) Bersetuju bahawa semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang direkodkan oleh sistem HLB dalam Tempoh Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
 - (c) Bersetuju keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad Layak dan sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat tidak akan dilayani;
 - (d) Bersetuju sebarang pembalikan transaksi akan dikecualikan;
 - (e) Bersetuju bahawa Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik dan dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan yang lain;
 - (f) Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat Kempen ini dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat;
 - (g) Memberi keizinan kepada HLB mendedahkan atau menyiarkan nama, nombor Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung) dan/atau foto mereka dalam Laman Web HLB;

8. HLB berhak:
 - (a) Menolak atas budi bicara mutlaknya sebarang permohonan Kad Layak yang dikemukakan tanpa memberikan apa-apa sebab sekalipun;
 - (b) Melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad atas budi bicara mutlaknya daripada menyertai Kempen ini;
 - (c) Menolak kelayakan mana-mana Pemegang Kad untuk menyertai Kempen atas apa jua sebab sekailpun yang HLB dapati wajar atas budi bicara mutlaknya. Khususnya, HLB mempunyai hak mutlak untuk menolak kelayakan Pemegang Kad yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit Layak menurut pengertian T&S ini, mengikut cara atau ragam yang HLB dapati luar biasa, luar aturan dan/atau membayangkan suatu percubaan untuk beroleh kelebihan tak adil ke atas Pemegang Kad lain yang mempunyai ragam perbelanjaan yang biasa/teratur, dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad;
 - (d) Melupuskan mana-mana atau kesemua Pulangan Tunai jika sekiranya terma dan syarat di dalam ini tidak dipatuhi;
 - (e) Melupuskan Pulangan Tunai apabila berlaku pembalikan Perbelanjaan Runcit Layak atau penamatan Kad Layak semasa Tempoh Kempen dan/atau pada masa pemberian Pulangan Tunai atau ketidakpatuhan T&S di dalam ini;
 - (f) Meminda jumlah Pulangan Tunai dan/atau menggantikan Pulangan Tunai di dalam ini dengan hadiah lain yang sama nilainya atas budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang HLB dapati wajar, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Layak; dan
 - (g) Menambah, menggugurkan atau meminda terma dan syarat di dalam ini, keseluruhan atau sebahagian, atau untuk membatalkan Kempen ini, atas budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang

HLB dapati wajar, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad tentang penambahan, pengguguran atau pemindaan terma dan syarat atau penamatan Kempen ini.

9. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan dalam penyerahan dan/atau pemprosesan permohonan Kad Layak dan/atau transaksi jualan oleh "Visa international Incorporated", "MasterCard Worldwide", "American Express", syarikat-syarikat Peniaga, perkhidmatan Pos, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad tertinggal daripada Kempen ini.
10. Akaun Kad Kredit Pemegang Kad mestilah sah/aktif, berkedudukan baik dan mestilah tidak melanggar mana-mana terma dan syarat Kempen ini dan/atau Perjanjian Pemegang Kad HLB pada masa Pulangan Tunai diberi.
11. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
12. Di samping terma di atas, Pemegang Kad Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Am dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB hendaklah dibaca bersama-sama terma dan syarat di dalam ini sebagai satu perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dengan Perjanjian Pemegang Kad, maka terma-terma tertentu di atas hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
13. Jika sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Web HLB akan diutamakan.

Lampiran 1

Kad Layak	Essential Fortune Platinum Biz Mach Gold Wise Mach Signature Visa Infinite
------------------	--